

# ANALISIS SEMIOTIK LIRIK LAGU-LAGU GUBAHAN P. RAMLEE

## (A SEMIOTIC LYRIC ANALYSIS OF P. RAMLEE'S SONGS)

Abdul Hamid Adnan  
Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali

### Abstrak

P. Ramlee ialah seorang penggubah muzik Melayu yang berbakat dan prolifik. Penglibatan beliau sebagai seorang penggubah lagu di Malaysia sangat berkait rapat dengan filem Malaysia, di mana dia terlibat secara aktif. Tujuan tulisan ini adalah untuk menilai khusus kepada lirik yang difikirkan oleh beliau. Penulis menganalisis lirik melalui teknik ikonistik yang ditafsirkan sebagai menyumbang kepada elemen fizikal, psikologi, sosial, dan ekonomi. Semua teknik yang digunakan dalam lirik telah digunakan didasarkan pada teori semiotik Charles Sanders Pierce (1831-1914). Teori ini menekankan sistem triadik, iaitu *representamen*, *interpretant*, dan objek dan berkembang kepada tiga trikotomi Peircien. Tiga trikotomi yang dimaksudkan ini ialah ikon, indeks, dan simbol sebagai trikotomi kedua (*Secondness*), tanda-tanda yang berkaitan dengan qualisign, sinsign, dan legisign sebagai trikotomi pertama (*Firstness*). Peirce juga mencatatkan bahawa terdapat tanda-tanda seperti *rheme*, *discisign* dan *argument* sebagai trikotomi ketiga (*Thirdness*). Semua tanda ini muncul dalam fikiran penulis ketika mentafsir lirik lagu-lagu P. Ramlee. Penelitian penulisan ini menggunakan dua kaedah dalam menganalisis data, iaitu melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kualitatif meliputi analisis data yang diperolehi daripada analisis lirik dan kaedah kuantitatif melibatkan tafsiran data.

## Abstract

*P. Ramlee was a talented and prolific Malay musician. His accomplishment as a Malay musician was closely connected to Malay movies in which he had been actively involved. The aim of this paper is to evaluate the speciality in the lyrics which were composed by him. The researcher analysed the lyrics, via the iconistic techniques interpreted as contributing to elements of physical, psychology, social, and economics. All the techniques used in the lyrics have been utilised based on the semiotics theory of Charles Sanders Pierce (1831-1914). This theory emphasized the usage of triadic system such as representamen, interpretant, and objects which are related to the theory trichotomies when Peircean revealed of the significant signs such as icon, index, and symbol as second trichotomy, the signs that are related with the signs such as qualisign, sinsign, and legisign as the first trichotomy. He also noted that the signs such as rheme, dicisign and argument as the third trichotomy. All these signs appeared in the mind of the researcher when interpreting the lyrics of P. Ramlee. The research has used two methods in analyzing the data that of quantitative and qualitative. The qualitative method involves the analysis of data which are obtained from the lyrics and the quantitative method involves the interpretation of the data.*

## Pendahuluan

Kehebatan P. Ramlee sebagai pelakon, pengarah, pemuzik, pencipta muzik, penggubah lagu, penyanyi, dan pelawak yang mempunyai tahap kebolehan setaraf dengan seniman-seniman lain yang bertaraf dunia seperti Gilbert and Sullivan dari England serta Rodgers dan Hammerstein dari USA<sup>1</sup>. Pencapaian ke tahap bakat serba bolehnya dengan gelaran “The Most Versatile Talent” diperolehi melalui anugerah “Festival Filem Asia” ke-10 di Tokyo 1963, menerusi filem “Ibu Mertuaku” (Ahmad Sarji, 1999: 35). Anugerah ini disampaikan kerana pengiktirafan kehebatan beliau dalam tiga bidang, iaitu lakonan, pengarahan, dan ciptaan muzik (Wan Hashim Wan Teh, 2003: 313). Tiga lagu yang menarik dan menjadi ikon kepada filem ini, iaitu “Jangan Tinggal Daku,” “Di Manakan Kucari

---

<sup>1</sup> <http://kualalumpurhotels.com>

## Analisis Semiotik Lirik Lagu “Inang Baru”

Lirik lagu “Inang Baru” bertemakan “Tarian Melayu” yang digubah pada tahun 1955 melalui *argument filem* “Penarik Beca”<sup>5</sup> sebagai filem pertama yang diarah oleh P. Ramlee. *Qualisign* lagu ini menyebabkannya telah dipilih sebagai “Lagu Terbaik” pada tahun 1956. Tarian ini dicipta khas oleh seniwati Habsah berdasarkan *legisign* pemikiran P. Ramlee. Tujuan utama lagu ini untuk mengiringi *legisign* tarian ‘Inang’ dan tarian Minangkabau yang lemah gemalai dan membayangkan kemurnian dan simbol budaya Melayu. *Legisign* struktur lirik lagu ini dalam Petikan 2 mencerminkan pengulangan rangkap ‘RS2’ dan ‘RS3’ sebagai *qualisign* strofik lagu.

Lagu “Inang Baru” yang digubah dapat mewakili ikon tarian inang yang amat diminati oleh masyarakat Melayu. Tarian inang ini merupakan indeks yang menggambarkan budaya Melayu yang diwarisi zaman berzaman. *Qualisign* lagu ini menunjukkan betapa tinggi *legisign* adab sopan dan budaya yang menjadi pegangan masyarakat Melayu dari dulu sehingga sekarang. *Legisign* peraturan adat dan budaya ini diperkenalkan kepada dunia luar supaya tidak hilang untuk masa akan datang. Lagu ini menjadi simbol budaya Melayu yang melambangkan *sinsign* identiti keperibadian bangsa Melayu.

Lagu ini merupakan ikon sosial yang memaparkan status sosial masyarakat Melayu melalui *legisign* pemikiran P. Ramlee. Batasan ikon sosial dalam tarian ini, iaitu enam pasang pemuda-pemudi yang lengkap berpakaian cara Melayu asli. *Qualisign* setiap gerak dan langkah penari-penarinya mewakili ikon lemah-lembut, teratur, dan bersopan santun itu membayangkan kehalusan dan kelembutan jiwa dan budaya orang Melayu. Ikon sosial yang dipersembahkan melalui tingkah laku ikon seperti ‘Lemahlah lembut tangan dan kaki, Manis dipandang gerak dan geri’, ‘Sambil menari memegang selendang’, ‘Lengkok ke depan lengkok ke belakang’, ‘Senyum melirik sambil melenggang’, ‘Tari Melayu tidakkan mati sayang’, dan ‘Biarlah hidup kekal abadi’. Ikon-ikon ini memberi

---

<sup>5</sup> Filem ini merupakan simbol ‘kemelayan’ melalui kehidupan seorang penarik beca. *Legisign* pemikiran P. Ramlee cuba memusnahkan batasan kelas-kelas dalam masyarakat. Bagi beliau, tidak ada garis sempadan sosial yang dibentuk oleh kekayaan harta-benda.

Petikan 2: Ikon Dan *Legisign* Lirik Lagu “Inang Baru”

Filem: Penarik Beca (1955)	Lirik: S. Sudarmaji Penyanyi: Saloma <i>Legisign</i> Struktur Lirik: RS1 → RS2 → RS3
RS1	Tari aseli Melayu jati sayang Tarilah aseli Melayu jati Dari dahulu sudah terpuji Dari dahulu sudahlah terpuji Lemah lembut tangan dan kaki sayang Lemahlah lembut tangan dan kaki Manis dipandang gerak dan geri Manis dipandang gerak dan geri.
RS2(Strofik)	Sambil menari memegang selendang sayang Sambil menari memegang selendang Lenggok ke depan lenggok ke belakang Lenggok ke depan lenggok ke belakang Senyum dilirik sambil melenggang sayang Senyum dilirik sambil melenggang Sungguh menarik bila dipandang Sungguh menarik bilalah dipandang.
RS3(Strofik)	Tari Melayu tidakkan mati sayang Tari Melayu tidakkan mati Biarlah hidup kekal abadi Biarlah hidup kekal dan abadi Patut ditunjuk sana dan sini sayang Patut ditunjuk sana dan sini Tandanya budaya kita tinggi Tandanya budaya kitalah tinggi.

Sumber: Analisis Penulis

gambaran yang jelas terhadap jati diri dan memberi indeks kelembutan dalam tarian sebagai ciri-ciri utama kemelayuan. Ikon-ikon ini juga menjadi simbol kesenian dan budaya Melayu.

Ikon psikologi juga boleh diperolehi melalui sifat-sifat ikon seperti ‘Tarilah aseli Melayu jati’, ‘Dari dahulu sudah terpuji’, dan ‘Lemah lembut tangan dan kaki sayang, Manis dipandang gerak dan geri’. Ikon-ikon ini memperlihatkan pola-pola perlakuan dan sifat-sifat kelembutan yang menampilkan ciri-ciri Melayu. Ikon fizikal lagu ini dapat dilihat

melalui objek dan sifat objek seperti ‘Tari aseli Melayu jati’, ‘Sambil menari memegang selendang sayang’ dan ‘Senyum dilirik sambil melenggang sayang’. Ikon-ikon ini menampilkan sifat-sifat yang terdiri daripada keadaan dan rupa ikon yang sesuai dengan ikon ‘Inang Baru’.

### Analisis Semiotik Lirik Lagu “Makan Sirih Di Semerah Padi”

Lirik lagu “Makan Sirih Di Semerah Padi” bertemakan “Kekecewaan” yang digubah pada tahun 1956 melalui *argument filem* “Semerah Padi” di bawah pengarahan P. Ramlee. *Legisign* struktur lirik lagu ini dalam Petikan 3 mencerminkan *qualisign* pengulangan rangkap ‘RS3’ dan *qualisign* strofik lagu dalam ‘RS2’.

Petikan 3: Ikon Dan *Legisign* Lirik Lagu “Makan Sirih Di Semerah Padi”

Filem: Semerah Padi (1956)	Lirik: Jamil Sulong Penyanyi: P. Ramlee
<i>Legisign</i> Struktur Lirik: RS1→RS2→[RS3]2X→Koda	
RS1	Kusangka kapal di tengah laut Semerahlah padi.
RS2(Strofik)	Rupanya karang ranjau yang ganas Semerahlah padi.
RS3(2X)	Kusangka kekal hai embun di rumput Semerah padi Rupanya hilang disinar panas.
Koda	Makanlah sirih di semerah padi.

Sumber: Analisis Penulis

Ikon psikologi melalui sifat-sifat dalam ikon-ikon seperti ‘Rupanya karang ranjau yang ganas’ dan ‘Rupanya hilang disinar panas’. Interpretasi ‘Karang ranjau yang ganas’ membawa maksud halangan yang dihadapi manakala ‘hilang disinar panas’ bermaksud kedudukan yang tidak stabil. Kedua-dua ikon ini memberi indeks bahawa kehidupan di dunia ini pasti menghadapi cabaran dan dugaaan. Interpretasi ‘sirih’ dapat memberi indeks semangat, agar setiap individu perlu mempunyai kekuatan diri untuk meneruskan perjuangan hidup. Ikon ‘sirih’ yang diperlakukan dalam adat istiadat merupakan lambang dan simbol budaya Melayu.

Walaupun ikon-ikon ini memaparkan kekecewaan dalam *argument* kehidupan sebenar, namun terdapat unsur semangat dalam realiti kehidupan melalui ikon sirih dan ini mencerminkan *legisign* pemikiran P. Ramlee. Bagaimanapun indeks ikon sirih sudah terjejas kerana amalan ini dalam adat istiadat Melayu sudah mula terpinggir sehingga ada yang menggunakan ikon daun sirih sebagai objek *discisign* (tidak benar), iaitu antara daun sirih yang tulen atau daun sirih yang diperbuat daripada plastik dalam majlis adat istiadat.

Ikon fizikal lagu ini dapat dilihat pada objek-objek dalam ikon-ikon seperti ‘Kusangka kapal di tengah laut, Semerahlah padi’, dan ‘Kusangka kekal hai embun di rumput’. Ikon ‘merah’ diinterpretasikan sebagai tanda darah dan berani. Ikon ‘padi’ sebagai satu simbol yang tidak dapat dipisahkan daripada jiwa Melayu sebagai orang Melayu jati. Filem ‘Semerah Padi’ menceritakan betapa beraninya orang-orang Melayu dahulu kala menghadapi kebenaran dan hukum Islam (Ahmad Sarji, op. cit: 348). Ikon sosial dapat dilihat melalui ikon amalan makan sirih, iaitu ‘Makanlah Sirih Di Semerah Padi’.

### Analisis Semiotik Lirik “Getaran Jiwa”

Lirik lagu “Getaran Jiwa” bertemakan “Percintaan” yang digubah pada tahun 1960 melalui *argument* filem “Antara Dua Darjat” di bawah pengarahan P. Ramlee. *Legisign* struktur lirik lagu ini dalam Petikan 4 mencerminkan *qualisign* pengulangan ‘RS2’ dan ‘RS3’ serta berlaku *qualisign* strofik ‘RS2’ dalam lagu. Lagu ini juga memaparkan unsur kejiwaan dan emosi melalui ikon-ikon percintaan yang mencerminkan *legisign* pemikiran P. Ramlee.

Ikon psikologi berlaku pada sifat-sifat ikon seperti ‘Getaran jiwa’, ‘Sedarlah kamu wahai insan’. ‘Walau hanya sederhana, Tetapi tak mengapa’, ‘Bagaikan kembang’, ‘Lemah tiada berjiwa’, dan ‘Hampa’ memberi gambaran percintaan sepasang kekasih. Interpretasi ikon-ikon ‘irama’ dan ‘lagu’ sebagai sepasang kekasih yang berkembang dan bermadu ini dapat memberi indeks (kesan) positif percintaan. Ikon ‘Getaran jiwa’ ini juga dapat diinterpretasi kepada simbol percintaan yang sedang berkembang.

Petikan 4: Ikon Dan *Legisign* Lirik Lagu “Getaran Jiwa”

Filem: Antara Dua Darjah (1960)		Lirik: S. Sudarmaji Penyanyi: P. Ramlee
<i>Legisign</i> Struktur Lirik: RS1 → Korus → [RS2→RS3]2X		
RS1		Getaran jiwa Melanda hatiku Tersusun nada Irama dan lagu.
Korus1		Walau hanya sederhana Tetapi tak mengapa Semoga dapat membangkitkan Sedarlah kamu wahai insan.
RS2(Strofik)		Tak mungkin hilang Irama dan lagu Bagaikan kembang Sentiasa bermadu.
RS3		Andai dipisah Lagu dan irama Lemah tiada berjiwa Hampa.

Sumber: Analisis Penulis

Ikon fizikal lagu ini dapat dilihat melalui ikon seperti ‘Getaran jiwa’, ‘Melandu hatiku’, ‘Tersusun nada’, dan ‘Irama dan lagu’ yang merupakan objek-objek yang bersifat abstrak. Ikon sosial dapat dilihat melalui tingkah laku ikon seperti ‘Semoga dapat membangkitkan’, ‘Melandu hatiku’, ‘Sentiasa bermadu’, ‘Tak mungkin hilang’, ‘Sentiasa bermadu’, ‘Andai dipisah’, dan ‘Lemah tiada berjiwa’.

Azizan Baharuddin (2003: 165) menginterpretasi lagu ini kepada *qualisign* hati manusia yang tidak pernah berdusta. Ini adalah satu *argument* kerana melalui hati manusia dapat merasai *discisign* (kewujudan) sesuatu. Jesteru *qualisign* ‘melihat’ dan *argument* memahami kebenaran-kebenaran yang diajarkan ‘khaliq’ kepadanya. *Legisign* perkataan dan muzik gubahan P. Ramlee mampu merangsang hati manusia.

## Analisis Semiotik Lirik “Air Mata Di Kuala Lumpur”

Lirik lagu “Air Mata Di Kuala Lumpur” bertemakan “Kekecewaan”. *Legisign* struktur lirik lagu ini dalam Petikan 5 mencerminkan *qualisign* pengulangan ‘RS2’ tanpa *qualisign* strofik dalam lagu. Keseluruhan ikon-ikon dalam lagu ini mencerminkan *legisign* pemikiran P. Ramlee.

Petikan 5: Ikon Dan *Legisign* Lirik Lagu “Air Mata Di Kuala Lumpur”

Filem: Tiada (1973)	Lirik: P. Ramlee Penyanyi: Saloma
<i>Legisign</i> Struktur Lirik: Dialog → RS → [RS2]2X	
Dialog	Airmata di Kuala Lumpur Jatuh berderai hatiku hancur Aku menangis tiada terhingga Putus kasih Yang tak kuduga Dikau pergi tak tinggal pesan.
RS1	Hancur musnah impian mulia Istanaku bina menjadi pusara Gelaplah pasti masa hadapan Jiwaku merayau utara dan selatan.
RS2 (2X)	Hidup sudah tiada bererti Zahirku hidup hai batinku mati Remuk redam hatiku hancur Airmata di Kuala Lumpur.

Sumber: Analisis Penulis

Ikon psikologi dapat dilihat melalui perasaan ikon-ikon seperti ‘Hancur musnah impian mulia’, ‘Gelaplah pasti masa hadapan’, ‘Jiwaku merayau utara dan selatan’, ‘Zahirku hidup hai batinku mati’, dan ‘Remuk redam hatiku hancur’. Interpretasi ikon-ikon menunjukkan indeks kekecewaan ‘Saloma’ kerana pemergian ‘P. Ramlee’ ke pangkuan Ilahi. Ia turut memberi indeks yang mendalam kepada ‘Saloma’ sebagai bahawa pemergian P. Ramlee merupakan satu dugaan Tuhan kepadanya. Ikon-ikon ini juga diinterpretasi sebagai simbol kekecewaan dalam kehidupan.

Interpretasi Yusnor Ef (2003) bahawa keseluruhan lirik yang beliau tulis benar-benar mengisahkan kekecewaan, kesedihan, kegagalan dan perasaan hancurnya segala harapan di Kuala Lumpur. Impian P. Ramlee belum selesai dan terlaksana. Sebenarnya beliau berharap pemindahannya ke Kuala Lumpur akan terbentuk satu usaha filem Melayu yang diterajuinya. Selama ini beliau telah membina seolah-olah istana filem Melayu yang berdiri tegak sebagai mahligai, kejayaan dan kecemerlangan yang dibinanya di Jalan Ampas, rupa-rupanya hancur menjadi pusara (mati).

P. Ramlee sudah meramalkan bahawa hidupnya akan menjadi gelap berdasarkan gelagat manusia-manusia yang berpura-pura di sekelilingnya (*ibid.*). Harapannya semakin pudar, kerja-kerjanya dipersoalkan, kawan-kawan yang pada mulanya beria-ia untuk bersamanya, tetapi akhirnya menikamnya dari belakang. Di sinilah jiwanya meronta dan merayau sama ada pulang ke tempat asalku di utara (Pulau Pinang) ataupun kembali ke tempat di mana aku berkarya dan mencipta nama di selatan (Singapura).

Pada beliau hidup ini sudah tidak ada erti, segala cita-cita dan harapannya terabai, malahan beliau telah berpoya-poya dengan kumpulan yang gemar di meja mahjung, dan orang-orang yang biasa yang tidak kreatif, berbanding di Singapura dahulu seperti Osman Ahmad, Yusof B, Kassim Masdor, A Bakar Ali dan lain-lain (*ibid.*). Pada beliau, zahir (dalam erti yang mendalam) nampak hidup, ketawa, dan senyum, tetapi sebenarnya batinnya (dalam erti kata yang amat mendalam) telah mati dan tidak bertenaga, jiwanya kecewa. Hatinya hancur, remuk dan berkecai. Beliau menangis dan bersendirian di Kuala Lumpur. Tangisannya berterusan di Kuala Lumpur sehingga beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di pangkuhan keluarga di Kuala Lumpur.


Ikon fizikal lagu ini memaparkan ikon seperti 'Airmata di Kuala Lumpur' dan 'Istanaku bina menjadi pusara'. Ikon-ikon ini menampilkan indeks kekecewaan melalui kasih sayang yang hilang sekilip mata akibat kematian sebagai *argument* (benar). Ikon 'istana' merupakan *qualisign* terhadap percintaan yang begitu agung. Ikon sosial dalam lirik lagu ini menunjukkan respon ikon-ikon seperti 'Jatuh berderai hatiku hancur',

‘Aku menangis tiada terhingga’, ‘Dikau pergi tak tinggal pesan’, ‘Hancur musnah impian mulia’, ‘Istanaku bina mengjadi pusara’, ‘Jiwaku merayau utara dan selatan’, dan ‘Hidup sudah tiada bererti’. Daripada perkataan yang bergaris tersebut, jelas memperlihatkan penderitaan yang tidak tertanggung oleh ikon ‘Saloma’ melalui indeks kematian ikon ‘P. Ramlee’.

#### Analisis 44 Buah Lirik Lagu-lagu P. Ramlee

Penulis telah melakukan analisis semiotik 44 buah lirik yang berkaitan dengan lagu-lagu P. Ramlee. Daripada 44 buah lirik tersebut, 27 buah lirik melibatkan pemikiran P. Ramlee manakala 17 buah lirik merupakan lirik yang digubah sendiri oleh P. Ramlee. Rumusan terhadap lirik-lirik ini, hampir keseluruhan atau 100% ikon fizikal dan ikon sosial digunakan dalam 44 buah lirik. Keadaan yang hampir sama, iaitu 43 buah lagu atau 98% lirik-lirik ini memerlukan ikon psikologi. Bagaimanapun, penggunaan ikon ekonomi hanya ditemui dalam 10 buah lirik sahaja atau 22.7%. Dalam Jadual 3 memperlihatkan dengan jelas analisis penggunaan ikon-ikon yang ditemui dalam setiap lirik lagu. Sungguhpun setiap lirik menggunakan tiga atau empat ikon yang dimaksud, namun analisis semiotik lirik lebih tertumpu kepada ikon tema lirik sebagai ikon yang utama, dan patut diberi keutamaan dalam analisis. Carta 1 merupakan statistik ikon tema utama 44 buah lirik. Stastistik ini merumuskan bahawa ikon psikologi dan ikon sosial masing-masing 48%, ikon fizikal 4%, manakala ikon ekonomi tidak terdapat dalam tema secara khusus.

Carta 1: Tema Utama 44 Lirik Lagu-Lagu P. Ramlee



Sumber: Analisis Penulis

Jadual 3: Penggunaan Ikon-Ikon Utama Dalam Lirik

Bil	Lagu	Tema	Fizikal	Psikologi	Sosial	Ekonomi
1	Azizah	Kecantikan Gadis Melayu (Fizikal)	✓	✓	✓	✓
2	Nasi Goreng	Makanan Popular Malaysia (Fizikal)	✓	✓	✓	✓
3	Inang Baru	Tarian Melayu (Sosial)	✓	✓	✓	X
4	Anakku Sazali	Kasih Sayang (Psikologi)	✓	✓	✓	X
5	Makan Sirih Semerah Padi	Kekecewaan (Psikologi)	✓	✓	✓	X
6	Rukun Islam	Keislaman (Sosial)	✓	✓	✓	✓
7	Kwek Mambo	Kesedihan dan Kegembiraan (Sosial)	✓	✓	✓	X
8	Tunggu Sekejap	Kasih Sayang (Psikologi)	✓	✓	✓	X
9	Pok-Pok Bujang Lapuk	Jenaka (Sosial)	✓	✓	✓	✓
10	Getaran Jiwa	Percintaan (Psikologi)	✓	✓	✓	X
11	Apek dan Marjina	Konflik Masyarakat (Sosial)	✓	✓	✓	✓
12	Gelora	Percintaan (Psikologi)	✓	✓	✓	X
13	Mencece Bujang Lapuk	Status Masyarakat (Sosial)	✓	✓	✓	✓
14	Ya Habibi Ali Baba	Status Masyarakat (Sosial)	✓	✓	✓	✓
15	Bila Larut Malam	Percintaan (Psikologi)	✓	✓	✓	X
16	Dimanakan Kucari Ganti	Percintaan (Psikologi)	✓	✓	✓	X
17	Jeritan Batinku	Percintaan (Psikologi)	✓	✓	✓	X
18	Bunyi Gitar	Kegembiraan (Sosial)	✓	✓	✓	X
19	Pukul Tiga Pagi	Kisah Rumah tangga (Sosial)	✓	✓	✓	X
20	Selamat Pengantin Baru	Majlis Perkahwinan (Sosial)	✓	✓	✓	X
21	Tolong Kami	Sikap Tolong Menolong (Sosial)	✓	✓	✓	X
22	Joget Malaysia	Patriotik (Sosial)	✓	✓	✓	X
23	Perwira	Patriotik (Sosial)	✓	✓	✓	✓
24	Do Re Mi	Patriotik (Sosial)	✓	✓	✓	✓
25	Keroncong Kuala Lumpur	Patriotik (Sosial)	✓	✓	✓	✓
26	Putus Sudah Kasih Sayang	Kasih Sayang (Psikologi)	✓	✓	✓	X
27	Assalamualaikum	Kasih Sayang (Psikologi)	✓	✓	✓	X
28	Tiga Sahabat	Semangat Bersatu Padu (Sosial)	✓	✓	✓	X
29	Dendang Perantau	Ingatan Pada Kampung Halaman (Psikologi)	✓	✓	✓	X
30	Selamat Hari Raya	Perayaan (Sosial)	✓	✓	✓	X

31	Harapan Bonda	Kasih Sayang (Psikologi)	√	√	√	X
32	Air Mata Di Kuala Lumpur	Kekecewaan (Psikologi)	√	√	√	X
33	Baidah	Percintaan (Psikologi)	√	√	√	X
34	Budi Di bawa Mati	Konflik Sosial (Sosial)	√	√	√	X
35	Alam	Keindahan Alam (Sosial)	√	√	√	X
36	Tak Seindah Bunga	Keindahan Bunga (Psikologi)	√	√	√	X
37	Ali Baba Rock	Budaya Rock (Sosial)	√	X	√	X
38	Di Waktu Pagi	Keriangan (Sosial)	√	√	√	X
39	Di Pinggiran	Percintaan (Psikologi)	√	√	√	X
40	Awan Mendung Telah Tiba	Percintaan (Psikologi)	√	√	√	X
41	Sudah Subuh	Percintaan (Psikologi)	√	√	√	X
42	Sam Pek Eng Tai	Percintaan (Psikologi)	√	√	√	X
43	Bila	Percintaan (Psikologi)	√	√	√	X
44	Hanya Angan-Angan	Percintaan (Psikologi)	√	√	√	X
Jumlah Lagu			44	43	44	10
Peratus			100%	98%	100%	22.7%

Sumber: Analisis Penulis

## Kesimpulan

Penulis merujuk soalan-soalan kajian yang terdapat dalam objektif, agar semua soalan tersebut terjawab. Pertama, adakah tanda-tanda fizikal, psikologi, dan ekonomi dalam lirik dapat dianalisis dan diinterpretasi mengikut teori tiga trikotomi Peirce? Soalan ini merujuk kepada sistem triadik semiotik dan berkembang kepada tiga trikotomi semiotik. Tanda-tanda penting seperti **ikon**, **indeks**, dan **simbol** berkembang kepada tanda-tanda semiotik yang lain, iaitu tanda-tanda *qualisign*, *sinsign*, *legisign*, *rHEME*, *discisign*, dan *argument*. Kesemua tanda-tanda ini dapat difikirkan dan diinterpretasi dalam lirik.

Kedua, mengapakah lagu-lagu untuk filem dianggap lebih berjaya berbanding lagu-lagu untuk hiburan (bukan untuk filem)? Lagu-lagu P. Ramlee untuk filem dianggap lebih serius dan menujuk tema filem, iaitu melibatkan perbincangan yang banyak, proses rakaman yang lebih teliti, dan dipersetujui sebagai hasil simbol (persetujuan) bersama melalui budaya rakyat dan budaya ekspresif. Keadaan ini amat berbeza dengan lagu-lagu bukan untuk filem yang tidak terikat pada muzik dan lirik. Unsur-unsur semiotik lebih bebas, tidak berfokus, dan penghasilan

sesebuah lagu merujuk kepada realiti kehidupan yang bersifat arbitrari menyebabkan banyak lagu yang digubah kurang berjaya.

Ketiga, apakah tanda-tanda lirik elemen asing yang diguna pakai oleh P. Ramlee? Bagaimanakah elemen-elemen ini diserap masuk ke dalam lagu-lagu gubahannya? Dalam lirik yang digubah, banyak kata-kata asing seperti “Ali Baba”, “Ali Baba Rock”, “Apek dan Marjina”, dan “Sam Pek Eng Tai” merupakan contoh-contoh yang kerap diguna pakai. Sama ada unsur asing maupun unsur tempatan, makna sesuatu lagu pasti dapat menyampaikan sesuatu mesej yang ingin disampaikan melalui kreativiti “pengkaryaan citra” penggubah. Makna-makna yang ditemui ini secara tidak langsung dapat menggambarkan falsafah kehidupan diri seseorang, khususnya diri penggubah itu sendiri.

Keempat, adakah sintesis kajian ini merupakan sumbangan penulisan yang dapat menjelaskan tanda-tanda gubahan lirik yang menjadi tanda (*trademark*) kepada P. Ramlee? Tanda-tanda ikon sosial dan ikon fizikal yang terdapat dalam lirik yang dikaji jelas memaparkan pemikiran P. Ramlee yang sebenar (*argument*). Teknik-teknik lirik lagu-lagu P. Ramlee yang diaplikasi melalui teori semiotik Peirce, dapat menemukan makna-makna tanda yang ingin disampaikan dan ini mencerminkan ideologi pemikiran dan *trademark* P. Ramlee. Interpretasi makna yang terdapat pada tanda-tanda semiotik dalam lirik menggambarkan pemikiran P. Ramlee sebagai objektif penyelidikan ini.

Sebagai seorang seniman, P. Ramlee telah mendapat sanjungan yang tidak terhingga dalam kalangan peminatnya, iaitu sekitar era 1950-an dan 1960-an. Dalam tempoh tersebut P. Ramlee dianggap sangat berjaya dan masyarakat kelilingnya di Singapura yang sangat membantu dan mempengaruhi pemikirannya untuk berkreatif. Bagaimanapun, pada awal era 1970-an setelah berpindah ke Kuala Lumpur, P. Ramlee seolah-olah kehilangan punca. Tidak ada lagi rakan-rakan dikelilingnya yang mampu mencetuskan pemikirannya agar terus berkreatif. Emosi dan perasaan gembira yang wujud ketika di Singapura tidak dapat diulanginya ketika menetap di Kuala Lumpur. Implikasi ini, sentuhannya tidak lagi memberkas dan tidak lagi dapat menawan hati peminatnya. Walaupun beliau telah 37 tahun meninggalkan kita (29 Mei 1973), namun kebanyakan lagu gubahannya yang memberkas, masih segar dan diminati

ramai hingga ke hari ini. Anugerah seniman ‘serba boleh’ dan ‘Datuk Amar’ kepada P. Ramlee adalah tepat kerana sumbangannya yang begitu besar dalam bidang lakonan, pengarah, pemuzik, pencipta muzik, penulis lagu, penyanyi, dan pelawak (*Berita Minggu*, 12 April 2009). Kehebatan beliau dalam bidang-bidang ini telah berjaya melonjakkan nama beliau setaraf dengan seniman-seniman lain yang bertaraf dunia malah dianggap sebagai ikon negara pada peringkat antarabangsa.

Penulisan ini diharapkan menjadi perintis kepada kajian semiotik pada masa akan datang bukan sahaja dalam lirik-lirik lagu, bahkan boleh diaplikasikan dalam segenap bidang. Semiotik jelas menjadi kajian tanda yang boleh merungkaikan pemikiran pengkarya dalam semua genre.

## Bibliografi

- Abdulah Hussein. 1973. Dalam Abdul Wahab Hamzah. 2003. “Kesedaran Sosial Dan Keindahan Estetika Dalam Filem-Filem P. Ramlee Dengan Rujukan Khusus Terhadap Filem Ibu Mertuaku, Antara Dua Darjah Dan Bujang Lapuk” dalam *P. Ramlee: Agung Dunia Melayu*. Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, pada 11-13 Jun 2002.
- Abdullah Hussain. 1984. *P. Ramlee – Kisah Hidup Seniman Agung*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd. hlm. 4.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Johari Salleh. 1993. *Irama Lagu P. Ramlee*. Petaling Jaya: Harvard Kelab Di Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1995. *Gelora*, Petaling Jaya: Harvard Kelab Di Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1996. *Air Mata Di Kuala Lumpur*. Petaling Jaya: Harvard Kelab Di Malaysia.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid, 1995. ‘Seniman Agung P. Ramlee’. Petaling Jaya: Harvard Kelab Di Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1999. *P.Ramlee Erti Yang Sakti*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

- \_\_\_\_\_. 2003. "P. Ramlee Sebagai Seniman Agung: Satu Penelitian", dalam *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu*. Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, pada 11-13 Jun 2002.
- Ariff Ahmad. 2003. "Citra Seni Dalam Filem-filem P. Ramlee: Dari Aspek Lagu" di dalam *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu*. Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, pada 11-13 Jun 2002.
- Arkib Negara Malaysia. 2003. *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu*. Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee, Kuala Lumpur, pada 11-13 Jun 2002.
- \_\_\_\_\_. 2004. "Senandung Warisan". Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Azizan Baharuddin. 2003. "P. Ramlee Sebagai Seniman Agung, Perspektif Seorang Peneliti", di dalam *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu*. Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, pada 11-13 Jun 2002.
- Chandler, Daniel. 2002. *Semiotics: The Basics*. New York: Routledge (Publisher).
- Cobley, Paul, dan Litza Jansz. 1997. *Introducing Semiotics*. Victoria: Mc Pherson's Printing Group.
- Greelee, Douglas. 1973. *Peirce's Concept of Sign*. The Hugue and Paris: Mouton.
- Harding, James dan Ahmad Sarji. 2002. *P. Ramlee The Bright Star*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Hartshorne, Charles, Paul Weiss, dan A. W. Burk (ed.). 1965. *Collected Papers of Charles Sanders Peirce*. Vol.1&2, Cambridge, Mass: Harvard University Press.

- Jaafar Abdul Rahim. 2003. *P.Ramlee Miliki Gagasan Kreatif, Genius.* Dalam <http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp>
- Jeremy Glatstein dalam [http://artsedge.kennedy-center.org/content/3902/Formal Visual Analysis: The Elements & Principles of Composition](http://artsedge.kennedy-center.org/content/3902/Formal%20Visual%20Analysis%3A%20The%20Elements%20&%20Principles%20of%20Composition).
- Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leonardo Widya. 2003. *Semiotic: Prinsip-prinsip Yang Diterapkan Bagi Desainer Grafis.* Visual Communication Design: University Graphic Design dalam <http://www.situsnet.com/dwld/VisCom.doc>.
- Martinez, Jose Luiz. 2001. *Semiosis in Hindustani Music.* Delhi: Motilal Banarsidass Publishers Private Limited.
- Matusky, Patricia dan Tan Sooi Beng. 1997. *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat, dan Sinkretik.* Pulau Pinang: The Asian Centre.
- Merriam, Alan P. 1964. *The Anthropology of Music.* Northwestern: Northwestern University Press.
- Mohd. Anis Md. Nor. 2003. "Pengkaryaan dan Citra Seni Tari Dalam Filem-filem P. Ramlee" di dalam *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu.* Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, pada 11-13 Jun 2002.
- Monelle, Raymond, 1992. *Linguistics and Semiotics in Music.* Switzerland: Harwood Academic Publishers.
- Ogden, Charles K. dan Ivor A. Richards. 1923. *The Meaning of Meaning.* London: Routledge & Kegan Paul.
- Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest (ed.). 1992. *Serba Serbi Semiotika.* Jakarta: Penerbit PT Gramedia Utama.
- Peirce, Charles Sander. 1940. *The Philosophy of Peirce, Selected Writings,* Justus Buchler (ed.). London: Kegan Paul.
- Saussure, Ferdinand de. 1974. *Course in General Linguistics.* Edit oleh Charles Bally dan Albert Sechehaye, terj oleh Wade Baskin. Glasgow: Collins.

- Spalding, Walter R. 1920. *Music: An Art and a Language*. Boston: The Arthur P. Schmidt Co.
- Spencer, Herbert. (1820-1903) dalam Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2002. *Kesenian Melayu*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu, hlm. 146.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. 2006. "Novel-novel Anwar Ridhwan: Satu Analisis Semiotik". Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. *Passim*.
- Van Zoest, Aart ed. 1996, "Interpretasi dan Semiotika" dalam Panuti Sudjiman, *Serba-serbi Semiotika*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Wan Hashim Wan Teh. 2003. "Keseniman Dan Jati Diri P. Ramlee Sebagai Reformis Sosial" di dalam *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu*. Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, pada 11-13 Jun 2002, hlm. 313.
- Wan Kadir Wan Yusoff. 1988. *Budaya Popular Dalam Masyarakat Melayu Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3.
- Yusnor Ef. 2000. *P. Ramlee Yang Saya Kenal*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Zefri Ariff Brunei. 2003. "Retrospektif Dan Dekonstruksi Pemikiran P. Ramlee: Fitrah Dunia Melayu" di dalam *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu*. Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Seni Seniman Agung P. Ramlee. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, pada 11-13 Jun 2002, hlm. 454.

### Akhbar

Berita Minggu. "P. Ramlee bergelar Datuk Amar", Ahad 12 April 2009.

### Alamat Laman Web Tanpa Nama Pengarang

<http://kualalumpurhotels.com/guide/museums.php> (risalah dalam laman web kualalumpurhotels.com)